



KENYATAAN TAWARAN TENDER

TENDER : MSN.TR.TENDER.02/2020

Tender adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat Bumiputera berkelayakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **220801** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran Perolehan Perkhidmatan sebagaimana berikut:

Bil	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tempat Tawaran Borang dan Waktu Pengambilan	
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	220801 Kawalan Keselamatan	Bahagian Pentadbiran & Kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu	
			Waktu : (Ahad - Rabu)	8.30 pg - 12.30 tgh 2.15 ptg - 4.30 ptg
			Waktu : (Khamis)	8.30 pg - 12.30 tgh 2.15 ptg - 3.00 ptg

Naskah tawaran boleh diperolehi mulai **19 November hingga 13 Disember 2020** di Bahagian Pentadbiran, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

Petender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** hadir taklimat / lawatan tapak pada **23 November 2020 (Isnin)** jam 10.00 pagi, pendaftaran bermula jam 9.00 pagi di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu. Sila bawa sijil asal serta salinan Kementerian Kewangan Malaysia dan lain-lain lesen yang berkenaan berserta Cop Syarikat.

Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Sahaja)** senaskah mulai **23 November 2020 (Isnin)** dengan membawa sijil taklimat/lawat tapak serta lain-lain sijil berkaitan.

Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (**SEORANG SAHAJA**) atau wakil yang diberi surat kuasa oleh pihak syarikat dibenarkan menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak tersebut dengan pematuhan Arahan SOP Pandemik Covid-19.

Dokumen tender yang lengkap hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk di sebelah kiri sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 14 Disember 2020 (Isnin) jam 12.00 tengahari** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

Tarikh : 18 November 2020

AHMAD SHAHRIZAL BIN YAHAYA
Pengerah
Majlis Sukan Negeri
TERENGGANU